

12/06/2002

Kerjasama Switzerland memudahkan kes Perwaja dihurai

HASIL rundingan di antara Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dengan Presiden Switzerland, Kaspar Villinger kelmarin, memberi harapan siasatan terhadap kes penyelewengan dalam Perwaja Steel membabitkan kerugian RM10 bilion, dapat diselesaikan. Ini berikutan persetujuan kerajaan Bern untuk memberi kerjasama melonggarkan peraturannya yang merahsiakan identiti penyimpan dan akaun mereka dalam bank di negara itu. Tindakan itu penting memandangkan siasatan polis dan Badan Pencegah Rasuah (BPR) digiatkan sejak 1996, mendapati lebih RM76 juta milik Perwaja disalur dan disimpan secara haram ke dalam bank di Switzerland. Sebelum ini siasatan BPR dan polis terhalang oleh peraturan ketat itu dan hakikat pihak berkuasa negara itu juga enggan memberi keterangan di mahkamah. Undang-undang kerahsiaan sistem perbankan Switzerland tidak syak lagi membuat negara itu mudah dijadikan lubuk persembunyian bagi orang yang mahu mengelakkan diri daripada tindakan penyiasat.

Bagaimanapun, di akhir pertemuan hampir tiga jam dua pemimpin itu, Bern memberi jaminan permintaan Malaysia untuk mendapatkan akses kepada maklumat mengenai deposit wang dalam bank di sana akan dipenuhi berdasarkan hakikat dalam kes Perwaja wujud perlakuan jenayah, rasuah dan usaha menyembunyikan wang diperolehi secara haram. Sambil mengakui betapa ketatnya peraturan perbankan, kerajaan Swiss berikrar ia tidak membenarkan mana-mana pihak menyalahgunakan amalan perbankannya itu. Tambahan pula ini bukan julung kali ia memberi kelonggaran kerana Switzerland pernah menghulurkan kerjasama mengesan dan mendedahkan akaun simpanan dipercayai milik pegganas antarabangsa. Kesediaan itu tidak syak lagi memudahkan kita mengetahui sesiapa rakyat Malaysia terbabit dalam kes penyelewengan Perwaja dan lain-lain kes yang sekian lama dapat melepaskan diri daripada siasatan dan pendakwaan.

Sebelum inipun, usaha mendapatkan maklumat berhubung apa disyaki salahguna kuasa dan penipuan dalam urusan jual-beli membabitkan Perwaja di luar negara sentiasa tersekat kerana keengganan banyak pihak memberikan maklumat. Bagaimanapun, penyiasatan yang tidak kenal kehampaan itu membuahkan hasil apabila sebuah syarikat di Hong Kong dan dua di Jepun dikenalpasti terbabit dalam satu skim penipuan lebih RM1.3 bilion milik Perwaja. Malangnya, kekurangan bukti tambahan terus menyukarkan golongan yang dipercayai bertanggungjawab dibawa ke muka pengadilan. Kegagalan ini sememangnya menjejaskan kewibawaan agensi penyiasat kita semata-mata kerana adanya pula kaitan dengan akaun sulit di Switzerland.

Kini jelas bahawa selain mencari pasaran baru bagi barangan Malaysia di negara Eropah yang maju itu, Dr Mahathir juga mempunyai matlamat sama penting sewaktu berunding dengan pemimpin Switzerland. Sambil menghormati peraturan negara itu, kesediaan kerajaan Bern menghulurkan bantuan kali ini amat dihargai. Perdana Menteri tentunya tidak mahu siasatan terhadap kes dianggap berprofil tinggi itu tidak ada kesudahannya hingga menimbulkan banyak tanda tanya dan memberi peluang kepada pelbagai pihak membuat andaian buruk. Dalam siri rundinganitu, kehadiran Gabenor Bank Negara, Tan Sri Zeti Akhtar Aziz dan Timbalan Ketua Pengarah (1), BPR Datuk Mohd Zawawi Nordin pastinya bertujuan membuka lembaran baru dalam hubungan dan kerjasama khususnya dalam bidang perbankan dan agensi penyiasatan kedua-dua negara, selain memudah dan mempercepat siasatan kes Perwaja. Adalah menjadi harapan kita, kejayaan Dr Mahathir itu akhirnya dapat menutup episod memalukan dan merugikan dalam sejarah korporat kita,

dengan kes Perwaja diselesaikan dan sesiapa terbabit menerima hukuman setimpal.

(END)